

SOALAN NO. 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN ER TECK HWA [BAKRI]

TARIKH : 3 NOVEMBER 2016

SOALAN :

YB Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah penerima pingat dan gelaran daripada DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong mengikut tahun dari tahun 2010 hingga 2016 bagi setiap kategori warganegara dan bukan warganegara.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan dari tahun 2010 hingga 2016 adalah sebanyak 11,597. Jumlah ini merangkumi warganegara dan bukan warganegara. Daripada jumlah keseluruhan tersebut, jumlah penerima Darjah Kebesaran Persekutuan bergelar dari tahun 2010 hingga 2016 ialah 817 orang di mana 788 orang ialah warganegara dan 29 orang adalah bukan warganegara.

Pecahan pengurniaan Darjah Kebesaran Persekutuan bergelar adalah seperti berikut:

- i. Bagi kurniaan Darjah Kebesaran Seri Maharaja Mangku Negara (S.M.N.) yang membawa gelaran "Tun", jumlah penerima dari tahun 2010 sehingga 2016 ialah seramai 4 orang dengan pecahan mengikut tahun seperti berikut:

(a)	Tahun 2010	:	Tiada
(b)	Tahun 2011	:	1 orang penerima
(c)	Tahun 2012	:	2 orang penerima
(d)	Tahun 2013	:	Tiada
(e)	Tahun 2014	:	1 orang penerima
(f)	Tahun 2015	:	Tiada

(g) Tahun 2016 : Tiada

Daripada jumlah penerima tersebut, seramai 2 orang penerima adalah warganegara dan 2 orang lagi penerima adalah bukan warganegara.

ii. Bagi kurniaan Darjah Kebesaran Seri Setia Mahkota (S.S.M.) yang membawa gelaran "Tun", jumlah penerima dari tahun 2010 sehingga 2016 ialah seramai 3 orang dengan pecahan mengikut tahun seperti berikut:

(a)	Tahun 2010	:	1 orang penerima
(b)	Tahun 2011	:	1 orang penerima
(c)	Tahun 2012	:	1 orang penerima
(d)	Tahun 2013	:	Tiada
(e)	Tahun 2014	:	Tiada
(f)	Tahun 2015	:	Tiada
(g)	Tahun 2016	:	Tiada

Ketiga-tiga penerima Darjah Kebesaran tersebut adalah warganegara.

iii. Bagi kurniaan Darjah Kebesaran Panglima Mangku Negara (P.M.N.) yang membawa gelaran "Tan Sri", jumlah penerima dari tahun 2010 sehingga 2016 ialah seramai 12 orang dengan pecahan mengikut tahun seperti berikut:

(a)	Tahun 2010	:	4 orang penerima
(b)	Tahun 2011	:	2 orang penerima
(c)	Tahun 2012	:	2 orang penerima
(d)	Tahun 2013	:	2 orang penerima
(e)	Tahun 2014	:	1 orang penerima
(f)	Tahun 2015	:	Tiada
(g)	Tahun 2016	:	1 orang penerima

Daripada jumlah penerima Darjah Kebesaran tersebut, seramai 11 orang penerima adalah warganegara dan 1 orang lagi penerima adalah bukan warganegara.

- iv. Bagi kurniaan Darjah Kebesaran Panglima Setia Mahkota (P.S.M.) yang membawa gelaran "Tan Sri", jumlah penerima dari tahun 2010 sehingga 2016 ialah seramai 306 orang dengan pecahan mengikut tahun seperti berikut:

(a)	Tahun 2010	:	37 orang penerima
(b)	Tahun 2011	:	38 orang penerima
(c)	Tahun 2012	:	41 orang penerima
(d)	Tahun 2013	:	51 orang penerima
(e)	Tahun 2014	:	55 orang penerima
(f)	Tahun 2015	:	30 orang penerima
(g)	Tahun 2016	:	54 orang penerima

Daripada jumlah penerima Darjah Kebesaran tersebut, seramai 297 orang penerima adalah warganegara dan 9 orang lagi penerima adalah bukan warganegara.

- v. Bagi kurniaan Darjah Kebesaran Panglima Jasa Negara (P.J.N.) yang membawa gelaran "Datuk", jumlah penerima dari tahun 2010 sehingga 2016 ialah seramai 452 orang dengan pecahan mengikut tahun seperti berikut:

(a)	Tahun 2010	:	45 orang penerima
(b)	Tahun 2011	:	71 orang penerima
(c)	Tahun 2012	:	67 orang penerima
(d)	Tahun 2013	:	64 orang penerima
(e)	Tahun 2014	:	66 orang penerima
(f)	Tahun 2015	:	56 orang penerima
(g)	Tahun 2016	:	83 orang penerima

Daripada jumlah penerima Darjah Kebesaran tersebut, seramai 435 orang penerima adalah warganegara dan 17 orang lagi penerima adalah bukan warganegara.

- vi. Bagi kurniaan Darjah Kebesaran Panglima Setia Diraja (P.S.D.) yang membawa gelaran "Datuk", jumlah penerima dari tahun 2010 sehingga 2016 ialah seramai 40 orang dengan pecahan mengikut tahun seperti berikut:

- (a) Tahun 2010 : 7 orang penerima
- (b) Tahun 2011 : 9 orang penerima
- (c) Tahun 2012 : 3 orang penerima
- (d) Tahun 2013 : 6 orang penerima
- (e) Tahun 2014 : 7 orang penerima
- (f) Tahun 2015 : 4 orang penerima
- (g) Tahun 2016 : 4 orang penerima

Semua penerima tersebut merupakan warganegara.

Semua penerima telah mendapat limpah perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan melepasi tapisan keselamatan dan keutuhan yang disyaratkan.

Sekian, terima kasih.